



KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang 221601 hingga 221615 bagi menyertai sebut harga berikut :

NO. SEBUT HARGA	:	SHM.001/1/18 Jilid 5 (1)
TAJUK SEBUT HARGA	:	Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Mereka Bentuk, Mencetak Dan Membekal Laporan Tahunan 2021 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
TARIKH IKLAN	:	28 Januari 2022
TARIKH KEMUKAKAN SEBUT HARGA	:	11 Februari 2022 (sebelum 12.00 tengah hari)
JUMLAH CETAKAN	:	i) Bahasa Malaysia : 1000 naskah ii) Bahasa Inggeris : 1000 naskah

2. Dokumen Sebut Harga akan diedarkan secara percuma;
3. Syarikat hendaklah berdaftar dengan SUHAKAM. *layari www.suhakam.org.my untuk pendaftaran;
4. Dokumen Sebut Harga yang dihantar secara manual yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Unit Perolehan SUHAKAM, Tingkat 11, Menara TH Perdana, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur **sebelum jam 12.00 tengah hari pada 11 Februari 2022. Tawaran yang lewat tidak akan diterima;**
5. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut :
 - a) En. Syamsul Azhar Bin Zamani (syamsul@suhakam.org.my) 03-2612 5615
 - b) En. Ahmad Firdaus Bin Abd. Shukor (firdaus@suhakam.org.my) 03-2612 5650

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MENCETAK DAN
MEMBEKAL BUKU LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA (SUHAKAM) BAGI TAHUN 2021 DALAM BAHASA MALAYSIA DAN
BAHASA INGGERIS**

SHM.001/1/18 Jilid 5 (1)

TARIKH PELAWA

: 28 JANUARI 2022

TARIKH KEMUKAKAN SEBUT HARGA: 11 FEBRUARI 2022

(sebelum jam 12.00 tengah hari)

SPESIFIKASI SEBUT HARGA

1.0 LATAR BELAKANG

Sebut harga ini adalah untuk pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi perkhidmatan mereka bentuk, mencetak dan membekal buku Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2021.

2.0 SKOP KERJA

2.1 KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK

2.1.1 Penyediaan Kreatif dan Reka Bentuk

Penyebut harga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi semasa dalam penyediaan buku Laporan Tahunan 2021.

- i. Konsep reka bentuk yang dicadangkan perlu mengambil kira imej dan peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai institusi hak asasi manusia di Malaysia.
- ii. Penggunaan warna dan tema yang bersesuaian.

2.1.2 Spesifikasi Buku

(Sila rujuk Lampiran A)

2.1.3 Gambar

Suruhanjaya akan menyediakan gambar berkaitan aktiviti / program dan gambar-gambar aset / hiasan yang terdapat di dalam simpanannya sahaja.

2.1.4 Pruf Mock-up

Penyebut harga adalah dikehendaki bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menyediakan tiga peringkat pruf Mock-up Laporan Tahunan bagi tujuan semakan dan pembetulan sebelum kelulusan mencetak diberikan;
- ii. Menyemak dan memastikan tiada kesalahan daripada segi ejaan dan terjemahan data-data pada graf / histogram / carta / jadual laporan dan lain-lain;
- iii. Menyediakan *proof* terakhir iaitu “*colour proof*” (sekurang-kurangnya 20 muka surat) yang akan dipersetujui oleh Suruhanjaya;
- iv. Suruhanjaya berhak menolak “*colour proof*” yang dirasakan tidak berkualiti;
- v. Draf terakhir perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum dicetak; dan
- vi. *Final artwork* dalam bentuk *softcopy* (bergantung kepada format yang digunakan) perlu diserahkan kepada Suruhanjaya.

2.1.5 Proses Semakan dan Pembetulan

Penyebut harga boleh menjalankan proses semakan dan pembetulan di Suruhanjaya atau di pejabat / kawasan operasi penyebutharga. Segala kos untuk melaksanakan proses tersebut akan ditanggung oleh penyebut harga.

3.0 SYARAT MENGENAI KUALITI

Penyebut harga hendaklah menghasilkan reka bentuk grafik yang berkualiti tinggi dengan kerja-kerja penaipan yang kemas, teratur dan konsep kulit hendaklah menggambarkan imej dan prestasi Suruhanjaya sebagai salah sebuah institusi hak asasi manusia seperti mana dikehendaki oleh pihak Suruhanjaya.

4.0 SEBUT HARGA DAN KONTRAK

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu (1) salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan:-

- 4.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan;
- 4.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan dan kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan;
- 4.3 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam Ringgit Malaysia;
- 4.4 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan; dan
- 4.5 Penyebut harga hendaklah menyatakan secara berasingan kos perkhidmatan mereka bentuk dan mencetak. Untuk mereka bentuk, penyebut harga perlu menyediakan dua atau tiga contoh reka bentuk dan reka cetak semasa mengemukakan sebut harga.

5.0 PEMBATALAN KONTRAK

Jika Penyebut harga gagal atau enggan melaksanakan kontrak ini setelah diberi notis bertulis Pegawai Pengawas, Suruhanjaya berhak menamatkan kontrak ini dan menuntut gantirugi.

6.0 TEMPOH JAMINAN

Bekalan ini hendaklah mempunyai **tempoh jaminan selama enam (6) bulan dari tarikh penerimaan bekalan disahkan**. Jika terdapat apa-apa kerosakan disebabkan “*manufacturing defect*” dalam tempoh jaminan, adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga untuk membaiki atau menggantikan bekalan tersebut.

7.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 7.1 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menyempurnakan semua kerja dalam tempoh yang ditetapkan dari **minggu ke-2 bulan Mac 2022 sehingga minggu kedua bulan Mei 2022 (tertakluk pada pindaan)**.
- 7.2 Tempoh penerbitan / pencetakan / pembekalan adalah selama 10 hari selepas penyerahan teks dan bahan kepada pencetak yang berjaya.

8.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk **tempoh enam (6) bulan** dari tarikh sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh Suruhanjaya dalam tempoh ini.

9.0 MENGEMUKAKAN DOKUMEN

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya, dokumen-dokumen seperti berikut:

- 9.1 Keterangan / Profail Mengenai Syarikat;
- 9.2 Carta Organisasi dan Senarai Nama Kakitangan;
- 9.3 Senarai Jenis Mesin Cetakan;
- 9.4 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Kod Bidang berkaitan;
- 9.5 Pengalaman Syarikat;
- 9.6 Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terkini dan bantuan kredit / kewangan dari bank atau institusi kewangan;
- 9.7 Ringkasan Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk harga tawaran dan pecahan harga)
- 9.8 Senarai Kerja Kontrak Semasa;
- 9.9 Senarai Semak Sebut harga

10.0 BAYARAN

- 10.1 Bayaran akan dibuat setelah semua kerja disahkan dan dilaksanakan dengan sempurna oleh Pegawai Pengawas.
- 10.2 Bayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat empat belas (14) hari dari tarikh inbois berserta dokumen sokongan yang lengkap yang diterima daripada penyebut harga dan setelah mendapat pengesahan daripada Pegawai Pengawas.

11.0 PERNYATAAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan dan percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 11.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota SUHAKAM yang mengesahkan tuntutan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

12.0 KADEAH PELAKSANAAN “INTEGRITY PACT”

- 12.1 Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh penyebut harga, kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- 12.2 Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Penyebut harga berjaya, Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- 12.3 Peringkat Ketiga - Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang mengandungi Klausus Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan. SUHAKAM hendaklah memastikan teks perjanjian perolehan Kerajaan yang hendak ditandatangani dengan pembida mengandungi Klausus Pencegahan

Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat edaran bil. PN(ADV)188 Jld. 5 bertarikh 24 Jun 2008. SUHAKAM hendaklah memberi penekanan kepada pembida mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas klausu tersebut.

13.0 MENGEMUKAKAN SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga hendaklah disiapkan dan ditandatangani dengan sempurna. Dokumen sebut harga yang telah sempurna bersama dengan dokumen-dokumen sokongan dan surat-surat hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut:

LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA 2021

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga secara serahan tangan atau dihantar melalui pos (laju) dan dialamatkan kepada:-

SETIAUSAHA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Tingkat 11, Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

(U/P: Unit Perolehan)

Tel: 03 – 2612 5600

Faks: 03 – 2612 5620

Dokumen tersebut hendaklah diserahkan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 11 Februari 2022 (sebelum jam 12.00 tengah hari)**. Mana-mana sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan diterima.

LAMPIRAN A

SPESIFIKASI BUKU

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	JUDUL	LAPORAN TAHUNAN SUHAKAM 2021
2.	BAHASA	Bahasa Malaysia (BM) & Bahasa Inggeris (BI)
3.	JUMLAH/KUANTITI	i. Bahasa Malaysia – 1000 naskah ii. Bahasa Inggeris – 1000 naskah
4.	UKURAN	18.5 cm (lebar) x 25.5 cm (tinggi)
5.	MUKA SURAT	BM & BI: 280 (min) – 350 ms (max)
6.	BAHAN/KERTAS	i. 230 gsm Artcard (kulit) ii. 105 gsm Matt (teks)
7.	FOTO	i. 60 foto (pelbagai ms) 4 warna
8.	REKABENTUK/REKALETAK	i. Kulit: Depan & Belakang ii. Teks: semua muka surat
9.	CETAKAN	i. Kulit (Depan & Belakang) & teks: 4 warna ii. Kulit (Depan & Belakang): 4 warna
10.	FINISHING	Glossy Embossed Logo dan Title
11.	BINDING/JILID	Perfect Binding
Tambahan		
12	Card Drive	350 keping (bersama bekas / sampul)

* Penyebut harga hendaklah menyediakan tiga (3) contoh reka bentuk grafik kulit buku dan muka surat.

SENARAI SEMAK PENYEBUT HARGA DALAM MENGEJELUHKAN SEBUT HARGA

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA PENYEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan)		
2.	Senarai Kerja Kontrak Semasa		
3.	Carta Organisasi dan Senarai Nama Kakitangan		
4.	Senarai Jenis Mesin Cetakan		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
6.	Profil Syarikat		
7.	Pengalaman Syarikat		
8.	Penyata bank untuk tiga (3) bulan terkini dan bantuan kredit / kewangan dari bank atau institusi kewangan		
9.	Ringkasan Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk harga tawaran dan pecahan harga)		
10.	Tiga contoh reka bentuk		

PROFAIL SYARIKAT

PROFAIL SYARIKAT

1. Nama Syarikat :

2. Alamat Syarikat :

.....

3. Alamat Premis Perniagaan (Jika berlainan dengan alamat syarikat):

.....

.....

4. Nombor Telefon :

5. No. Faksimili :

6. Emel :

7. Tarikh Syarikat Ditubuhkan :

8. Jenis Perniagaan :

9. Lembaga Pengarah :

BIL.	NAMA	NO. K/P	WARGANEGARA
i.			
ii.			
iii.			
iv.			
v.			
vi.			

10. Nama Bank :

11. Alamat Bank :

12. Modal Berbayar :

13. Modal Yang Dibenarkan :

14. Kemudahan/Nilai Overdraft :

15. Komposisi Modal :

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham.

		Bilangan Pemegang Saham	Jumlah Unit Saham	%
(a)	Bumiputera			
(b)	Bukan Bumiputera			

16. Komposisi Kakitangan :

		Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
(a)	Eksekutif			
(b)	Teknikal			
(c)	Perkeranian			
(d)	Buruh/Kakitangan Rendah			

17. Senarai Nama Kakitangan

:

BIL	NAMA	NO.KAD PENGENALAN / PASPORT	WARGANEGERA

18. Taraf Syarikat

- (a) Bumiputera/Bukan Bumiputera :
- (b) Syarikat Tempatan/Luar Negeri :

19. Sebut harga Dengan Kerajaan Yang Telah Tamat Tempohnya:

Jika penyebut harga pernah mengikut kontrak dengan Kerajaan Malaysia pada masa lalu, sila berikan butir-butir kontrak berkenaan:

.....
.....

20. Sebut harga Dengan Kerajaan Yang Pernah Ditamatkan atau Digantung:

Jika penyebut harga pernah mengikut kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan tetapi sebut harga itu telah ditamatkan atau digantung kerana pelanggaran syarat-syarat sebut harga, sila berikan butir-butir mengenai sebut harga berkenaan:

.....
.....

Saya mengaku bahawa segala keterangan di dalam adalah benar:

Tandatangan Penyebut harga :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

PENGALAMAN SYARIKAT

PENGALAMAN SYARIKAT

1. Tender dan Sebut harga berkaitan:

Nyatakan tender dan sebut harga berkaitan yang telah disiapkan atau dalam pelaksanaan (sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum tahun 2021). Format adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	TARIKH MULA & TAMAT	TEMPOH PROJEK	NILAI (RM)	KOD BIDANG	NAMA PELANGGAN & NO.TELEFON/EMEL

Nota: Sila tambah helaian baru jika ruang tidak mencukupi

SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MENCETAK DAN MEMBEKAL BUKU LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) BAGI TAHUN 2021 DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

Saya..... nombor kad pengenalan yang mewakili nombor pendaftaran..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) atau mana-mana lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas membuat pengisyiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) atau mana-mana individu yang lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan dan perolehan Kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segara melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat: